



21 Julai 2024



1,612 Orang Asli di Lipis dan Rompin terima STR

ROMPIN: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Pahang mengagihkan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) fasa pertama secara tunai kepada seramai 1,612 masyarakat Orang Asli di Lipis dan Rompin.

Mereka yang menerima bantuan kerajaan itu terdiri daripada ketua isi rumah (KIR), individu yang layak, isi rumah B40 dan M40 serta warga emas, bertujuan meringankan beban kewangan dan meningkatkan kesejahteraan penerima yang layak.

Pengarah JAKOA Pahang, Johari Alwi, berkata agihan secara tunai pertama dilakukan pada Isnin dan Selasa lalu membabitkan seramai 791 penerima yang menetap di lima Pos, Rancangan Penempatan Semula (RPS) dan kampung tradisional di Lipis.

Beliau berkata, agihan kedua membabitkan seramai 821 penerima di daerah ini yang dilakukan semalam dan hari ini. Program selama enam jam itu bermula 8 pagi turut disertai pihak Bank Simpan Nasional (BSN) yang menyediakan bayaran secara tunai itu.

Katanya, setiap penerima yang layak menerima antara RM150 hingga RM2,500. Terdapat dalam kalangan Orang Asli yang gagal mengambil bantuan diterima sejak beberapa tahun lalu dan pada pemberian kali ini mereka layak menerima bantuan terbabit.

"Saya berharap Orang Asli yang menerima bantuan daripada kerajaan ini dapat menggunakan dengan sebaik mungkin, tidak membazir atau digunakan untuk aktiviti lain."

"Bantuan STR yang diberikan antara bukti keprihatinan kerajaan pada rakyat termasuk masyarakat Orang Asli yang tidak pernah terkecuali menerima setiap bantuan yang disediakan kerajaan," katanya pada Program Penunaian Pembayaran STR kepada masyarakat Orang Asli daerah ini di Dewan Besar DARA Muadzam Shah, dekat sini semalam. Beliau berkata, bayaran STR selepas ini akan dilakukan menggunakan kaedah masuk ke dalam akaun setiap penerima, cara berkenaan lebih mudah dan cepat selain dapat menjimatkan masa menunggu.

Johari berkata, empat program agihan yang dilakukan di Lipis dan daerah ini berjalan lancar, tidak terlalu banyak masalah berlaku antara penerima dan pihak bank. Penerima dilihat sabar menunggu nombor giliran mereka dipanggil.

Sementara itu, bagi Normasasmira Noja, 41, dia bersyukur menerima bantuan STR yang disediakan kerajaan sebanyak RM150, wang diterima boleh digunakan untuk perbelanjaan membeli keperluan harian.

"Pelbagai bantuan prihatin disediakan kerajaan untuk rakyat, selain STR turut diadakan Jualan Rahmah yang memberi peluang kepada rakyat mendapatkan barang keperluan harian pada harga yang lebih murah," katanya.